

Harga RON95 diapung

# Kadar kenaikan tak boleh diumum secara tepat

Harga ditentu secara automatik bergantung pelbagai faktor

Oleh Haika Khazi  
 mfaizul@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Kadar kenaikan harga petrol RON95 yang akan diapungkan secara berperingkat sebaik Program Subsidi Petrol (PSP) dilaksanakan Januari depan, tidak boleh diumumkan secara tepat.

Perkara itu bergantung kepada pelbagai faktor, termasuk turun naik harga minyak mentah dunia, nilai tukaran asing di antara Ringgit Malaysia dan dolar Amerika Syarikat (AS) serta margin keuntungan syarikat pengeluar dan pengusaha stesen minyak.

Sehubungan itu, Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail, berkata kerajaan tidak boleh mengumumkan berapa kadar kenaikan secara tepat apabila PSP dilaksanakan nanti.

"Kerajaan belum muktamadkan nilai sebenar kenaikan harga RON95 selepas ia diapungkan secara berperingkat mulai Januari depan. Kita tidak boleh katakan secara tepat bahawa akan ada kenaikan satu atau dua sen atau penurunan harga minyak setiap minggu secara berperingkat.



Saifuddin Nasution (kanan) menyampaikan Anugerah Usahawan Muhibah dan Anugerah Pemasaran Khas kepada Pengarah Urusan Pakchips, Mardhiah Lin Abdullah pada majlis penutup Program Citarasa Malaysia 2019 di Kuala Lumpur, semalam.

(Foto Zunnur Al Shafiq /BH)

"Sebaliknya, harga RON95 dipam minyak akan ditentukan secara automatik. Jika harga minyak mentah turun, harga minyak pada hari berkenaan juga akan turun," katanya pada sidang media selepas merasmikan majlis penutupan Program Citarasa Malaysia di sini, semalam.

Kelmarin, Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Chong Chieng Jen ketika menjawab soalan pada persidangan Dewan Rakyat, dilaporkan berkata harga RON95 akan diapung dan dinaikkan satu atau dua sen setiap minggu secara berperingkat.

Katanya lagi, kenaikan itu sehingga harga bahan api berkenaan mencapai harga semasa pasaran sebaik PSP dilaksanakan dan dibuat secara berperingkat bagi meringankan kos hidup rakyat dan mengelak harga barang naik mendadak apabila program subsidi dilaksanakan.

Sambil menegaskan kenyataan Chieng Jen berkaitan perkara itu kurang tepat, Saifuddin berkata, kementeriannya perlu membuat simulasi mengenai apa akan berlaku kepada Indeks Harga Pengguna (IHP) dan kadar inflasi jika harga minyak naik satu atau dua sen mulai 1 Januari depan.

"Kita kena buat simulasi apa akan berlaku terhadap IHP, umpannya kos pengangkutan, pendidikan, perumahan, utiliti dan makanan sekiranya ada peningkatan harga petrol RON95."

"Semua itu akan diambil kira dan saya perlu memberi maklum balas kepada Jemaah Menteri sebelum kita boleh umumkan kadar sebenar harga RON95 apabila ia diapungkan mulai 1 Januari ini," katanya.

Beliau juga menegaskan, kerajaan tidak boleh membuat spekulasi mengenai sebarang kenaikan harga petrol kerana perkara berkenaan amat sensitif.